

KEPENTINGAN DAN CABARAN BAGI KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM PRASEKOLAH

IMPORTANCE AND CHALLENGES FOR PRESCHOOL ISLAMIC EDUCATION CURRICULUM

Muhammad Hisyamuddin Bin Kamarudin ¹
Amran Bin Abdul Halim ²
Nidzamuddin Bin Zakaria ³

¹ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
(Email: hisyamuddinkamarudin93@raudhah.usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai
(Email: amranabdulhalim@usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
(Email: nidzamuddin@usim.edu.my)

Article history

Received date : 5-10-2023
Revised date : 6-10-2023
Accepted date : 26-11-2023
Published date : 21-12-2023

To cite this document:

Kamarudin, M. H., Abdul Halim, A., & Zakaria, N.
(2023). Kepentingan dan cabaran bagi kurikulum
pendidikan islam prasekolah. *Journal of Islamic,
Social, Economics and Development (JISED)*, 8
(59), 160 – 167.

Abstrak: Pendidikan awal kanak-kanak, penting dalam menentukan hala tuju kehidupan mereka pada masa akan datang. Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan menekankan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Oleh itu, artikel ini membincangkan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak dalam pendidikan prasekolah di Malaysia dan salah satu elemen pendidikan awal kanak-kanak iaitu perkembangan kognisi menurut persektif islam serta cabaran bagi merelisasikannya. Kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan di mana pengumpulan maklumat melalui sumber-sumber buku dan jurnal berkaitan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan, cabaran dalam meningkatkan perkembangan kognisi kanak-kanak kerana golongan pendidik kurang kemahiran pedagogi pengajaran dan kekurangan rujukan.

Kata kunci: Perkembangan Kognisi, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Kepentingan, Cabaran.

Abstract: Early childhood education is important in shaping their future direction in life. The National Early Childhood Care and Education Policy emphasizes holistic development for all children in terms of intellect, spirituality, emotions, and physical well-being. It serves as a strong foundation for nurturing children's potential based on the Malaysian context. Therefore, this article discusses the significance of early childhood education in preschool education in Malaysia and one of its elements, cognitive development from an Islamic perspective, as well as the challenges in realizing it. This study is a library research where information is gathered from relevant books and journals related to early childhood education in Malaysia. The

research findings indicate challenges in enhancing children's cognitive development due to educators lacking pedagogical teaching skills and reference materials.

Keywords: *Cognitive Development, Early Childhood Education, Importance, Challenges*

Pengenalan.

Artikel ini membincangkan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak dan perkembangan kognisi menurut perspektif Islam untuk melahirkan generasi yang berjaya di dunia dan akhirat dalam ruangan pendidikan prasekolah. Namun, dalam proses melahirkan generasi ini, sudah tentu terdapat cabaran dan halangan yang mendatang. Oleh itu, penulisan artikel ini juga turut membincangkan cabaran dan isu dalam mendepani pendidikan awal kanak-kanak

Pepatah Arab ada mengatakan jika ingin melihat generasi masa hadapan; lihatlah golongan kanak-kanak sekarang. Menurut Noor Azizi Ismail dan Syamsul Bahri Andi Galigo, (2010) usaha membentuk seorang insan yang berguna di dunia dan akhirat, pendidikan yang berkesan adalah bermula daripada didikan awal kanak-kanak, kerana pendidikan awal kanak-kanak merupakan asas kepada pembinaan sesuatu bangsa.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan sumber artikel ini diambil daripada buku ilmiah, penulisan akademik, tesis dan jurnal.

Kepentingan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Prasekolah.

Menurut Nachiappan, S. (2015). Pendidikan Awal kanak-kanak membantu kejayaan kanak-kanak di sekolah dan kehidupan masa hadapan mereka. Potensi pembelajaran bukan sahaja bermula sejak awal kanak-kanak dilahirkan, malah ketika di dalam kandungan lagi. Pada peringkat awal ini, kanak-kanak lebih mudah dilentur dan dibentuk peribadi dan intelegnya. Pada ketika ini, pembelajaran awal sepatutnya dimulakan untuk membantu mereka mencapai perkembangan yang menyeluruh dari segi rohani dan jasmani. Kanak-kanak pada usia satu hingga empat tahun sudah boleh didedahkan kepada proses pembelajaran pada peringkat awal yang mampu memberi kesan positif kepada tumbesarnya. Pada usia ini otak kanak-kanak seperti span yang mampu menyerap apa sahaja dengan cepat dari persekitarannya.

Selain itu, menurut pakar psikologi MacNaughton, (2005), personaliti kanak-kanak sudah terbentuk sebelum usia mereka mencapai lima tahun. Pengalaman awal dan persekitaran di mana kanak-kanak dibesarkan adalah faktor utama yang mencorakkan personaliti mereka. Oleh itu, jika ibu bapa inginkan anak-anak mereka mempunyai personaliti yang baik dan mulia, positif dalam perhubungan dan pengurusan diri, berdaya maju, bijak berkomunikasi serta pandai menyesuaikan diri dalam apa sahaja keadaan, maka berikanlah kepada mereka pendidikan dan pengalaman awal yang berkualiti. Pendidikan prasekolah yang merupakan peringkat awal proses pembelajaran amat penting kerana pengalaman di prasekolah dapat memberi persediaan yang boleh membekalkan kanak-kanak dengan kemahiran, keyakinan diri dan sentiasa mempunyai sikap yang positif terhadap individu lain tanpa ada kecenderungan (bias) negatif terhadap yang lain.

Pendidikan prasekolah juga diakui boleh memberi kesan positif seperti sabda Rasulullah s.a.w. bahawa "Kanak-kanak mula bercahaya akalnya pada umur lima tahun...." Ini jelas menunjukkan kanak-kanak telah mempunyai keupayaan untuk menerima sebarang pengetahuan yang diajarkan bermula pada umur lima tahun. Malaysia sebagai salah sebuah

negara yang membangun dengan pesat tidak ketinggalan dalam menentukan pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak sebagai pendidikan yang berkualiti. Berdasarkan kepentingan yang telah dikemukakan maka, benarlah usaha Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mewujudkan prasekolah disetiap sekolah sejak 1992.

Terdapat tiga komponen utama dalam pendidikan awal kanak-kanak, iaitu kognisi dan bahasa selain aspek sosial. Hal ini menjadi kayu pengukur bagi kanak-kanak mempersiapkan diri untuk melangkah ke alam persekolahan yang lebih formal. Bahasa memainkan peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti bertanya soalan. Seterusnya, komponen sosial diukur bagi memastikan kanak-kanak mampu mengawal diri dan mudah berinteraksi dengan rakan sebaya dan juga guru. Manakala kesediaan kognisi penting dalam memproses informasi yang disampaikan oleh guru. Seterusnya, artikel membincangkan satu komponen pendidikan awal kanak-kanak iaitu, perkembangan kognisi menurut persektif islam.

Perkembangan Kognisi Menurut Persektif Islam

Menurut Lahey, (2009) kognisi didefinisikan sebagai proses intelektual. Kognisi berkait rapat dengan informasi yang diperoleh, ditukar, disimpan, dicungkil dan diguna pakai. Apabila diteliti definisi ini, ia merupakan satu proses yang menterjemah keadaan sekeliling kepada suatu yang boleh difahami. Apabila informasi diperlukan, ianya akan dicungkil dan diguna pakai pada masa yang diperlukan. Setiap proses kognisi saling berhubung antara satu dengan yang lain. Terdapat beberapa aspek kognisi yang diketengahkan oleh Lahey (2009). Pertama, kognisi melibatkan pemrosesan maklumat. Pemrosesan maklumat penting untuk memberi makna kepada apa yang dilihat, dirasa dan dibuat. Berdasarkan maklumat tersebut, kita bertindak dan memberi respons kepada alam sekitar. Kedua, kognisi merupakan suatu proses yang aktif. Proses yang aktif diperoleh melalui pancaindera (mata, telinga, hidung, lidah dan kulit), ditukar melalui persepsi dan pemikiran, disimpan dan dicungkil melalui proses memori dan diguna pakai melalui bahasa dan penyelesaian masalah. Ketiga, kognisi sangat diperlukan untuk meneruskan kehidupan. Tanpa kognisi, kehidupan menjadi tidak bermakna. Contohnya, apabila kita mahu berkomunikasi dengan orang lain dan kita mempunyai masalah, kita akan mencari penyelesaian melalui proses penyelesaian masalah. Sepanjang proses penyelesaian masalah tersebut berlangsung ia sebenarnya melibatkan proses kognisi.

Manakala, Perkembangan kognisi pula, merujuk kepada medin (1992), perubahan dalam proses dan kemahiran mental mengikut kematangan fisiologi dan pengalaman yang dialami sejak kecil lagi. Perubahan-perubahan ini berkait rapat dengan interaksi antara genetik dan persekitaran. Kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun berada pada peringkat tahap praoperasi. Perhatian daripada orang dewasa dan pelaburan pada masa hadapan penting untuk kesejahteraan masyarakat dan menentukan kemajuan dalam menyaingi era globalisasi kini, mereka memerlukan pengalaman yang berterusan serta penglibatan secara langsung bagi membantu proses perkembangan kognisi, bahasa, sosial dan fizikal mereka. Oleh itu, perkembangan kognisi awal kanak-kanak perlu diberikan perhatian yang penting kerana segala maklumat diserap dengan cepat.

Kanak-kanak merupakan anugerah yang sangat berharga, dengan didikan yang sempurna kanak-kanak akan berkembang menjadi seorang dewasa yang menepati ciri-ciri sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Menurut Wan Nurulhuda Wan Jusoh, (2011). Pengajaran yang berlandaskan ajaran islam akan menghasilkan pembelajaran kanak-kanak yang beriman, berkualiti dan berkebolehan yang akan mencetus seorang insan yang layak digelar berjaya di dunia dan di akhirat. Islam telah menggariskan panduan yang jelas mengenai proses pendidikan

akhlak kanak-kanak. Tingkah laku kanak-kanak yang baik dilihat perlu seiring dengan kemajuan negara. Proses pendidikan ini boleh disinonimkan dengan perkembangan kognisi kanak-kanak.

Namun, Islam tidaklah melihat pendidikan dari skop yang sempit, ia tidak terbatas kepada pendidikan duniawi semata-mata bahkan meliputi dua lapangan iaitu didunia dan akhirat. Dalam konteks ini, Ibn Khaldun telah membahagikan ilmu kepada dua bahagian yang utama. Pertama, ilmu yang berbentuk fardhu ain yang dituntut ke atas setiap orang supaya mengetahui dan mempelajarinya dalam melaksanakan tuntutan agama seperti ilmu tauhid, fiqh, akhlak, akidah dan sebagainya manakala yang kedua pula ialah ilmu fardhu kifayah iaitu ilmu yang mesti ada pada sekumpulan orang dalam masyarakat tanpa melihat kepada individu tertentu seperti ilmu pertukangan, kemahiran,perniagaan, kedokteran, ekonomi, fizik, astronomi dan sebagainya yang boleh mendatangkan manfaat kepada manusia. Ini membuktikan bahawa agama Islam tidak mementingkan pencapaian intelektual yang tinggi semata-mata bahkan perlu dilengkapi dengan kefahaman yang jelas mengenai agama Islam itu sendiri bagi menghasilkan manusia yang cemerlang di dunia mahupun di akhirat.

Jelasnya, pendidikan Islam dijadikan sebagai satu proses mengasuh dan mendidik, membela, melatih, menyucikan, memperbaiki, mengawal hawa nafsu, membentuk ketaatan kepada Allah SWT membentuk sikap sopan dan beradab (mempunyai akhlak yang baik) dan memadamkan semua sifat tercela yang ada dalam diri manusia. Semua definisi ini memberikan kefahaman bahawa hampir keseluruhan pendidikan yang dikehendaki dalam Islam ialah merujuk kepada pendidikan rohani manusia selaku hamba Allah di muka bumi ini bagi memancarkan kejernihan akhlak dan budi pekerti yang tinggi selain untuk perkembangan pengetahuan itu sendiri yang merupakan medium yang amat penting dalam membangunkan ketamadunan manusia yang hidup di dunia ini. Kepentingan pendidikan awal kanak-kanak dan perkembangan kognisi menurut islam tidak dapat disangkal lagi, namun dalam meneliti kepentingannya, cabaran dan halangan sentiasa wujud.

Cabaran Pendidikan Islam Prasekolah.

Cabaran dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak didapati semakin hangat diperkatakan, ini kerana ianya perlu sejajar dengan kehendak dan kemahuan pelbagai pihak samada pihak pembuat dasar, pelaksana dan masyarakat secara umumnya. Dalam hal ini, Mastura Badzis (2010) menyarankan pembinaan Kurikulum Intergratif yang menyatupadukan pengetahuan, pengalaman, dan potensi menurut pendekatan Barat dan Islam.

Pembentukan sesuatu kurikulum memerlukan penetapan dalam falsafah. Jika ingin menyediakan kurikulum prasekolah maka falsafah pendidikan prasekolah wajar ditentukan terlebih dahulu. Misalnya, falsafah prasekolah menggambarkan tujuan prasekolah, nilai dan kepercayaan guru tentang bagaimana kanak-kanak belajar. Falsafah yang dipegang atau dirujuk oleh guru prasekolah mampu mempengaruhi keputusan yang dibuat untuk kanak-kanak. Justeru, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dibentuk berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Kedua-dua falsafah ini perlu diterjemahkan mengikut kesesuaian dengan perkembangan kanak-kanak. Pendidik dan penggubal kurikulum perlu memahami hasrat negara yang dinyatakan dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Setiap kurikulum yang dibentuk adalah untuk memenuhi keperluan jangka panjang. Kesan daripada hasil kurikulum yang digubal akan melahirkan generasi negara seperti mana yang dihasratkan dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) adalah kurikulum bagi murid-murid prasekolah sahaja dalam lingkungan umur empat hingga enam tahun. Di dalam KSPK tersebut terdapat juga mata pelajaran pendidikan Islam dibawah tunjang kerohanian, sikap dan nilai. Pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam adalah berdasarkan peruntukan perundangan yang kuat dan jelas dalam Perlembagaan Malaysia. Perkara 3. (1) dalam Perlembagaan Malaysia menggariskan bahawa agama Islam ialah agama Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Perkara 12. (3) pula menyatakan tiada sesiapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri. Merujuk kepada Akta Pendidikan 1996 pula, Seksyen 50 (1) "Pengajaran Agama Islam" perlu diajar jika di dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang murid atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen 51(b) tiada murid boleh mengikuti pengajaran agama selain daripada agama yang dianutnya, kecuali dengan keizinan bertulis ibu bapanya. Selaras dengan transformasi dalam pendidikan, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dibentuk pada tahun 2010 bagi menggantikan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) dengan menggariskan matlamat dan objektif pendidikan yang berkaitan dengan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral secara khusus menerusi Tunjang Kerohanian, sikap dan nilai. Pendidikan Islam dipelajari oleh murid beragama Islam selama dua jam seminggu manakala Pendidikan Moral dipelajari oleh murid lain selama dua jam seminggu.

Dalam konteks Pendidikan Islam, pendidikan hendaklah berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah yang didasari oleh tauhid dan keesaan Allah SWT. Kegagalan untuk meletakkan Al-Quran dan As-Sunnah dalam Pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah muslim yang komited terhadap tuntutan agama. Justeru, Pendidikan Islam menawarkan pendidikan yang bersepadu dan ia meliputi aspek rohani, emosi, akal dan fizikal dengan menjadikan rohani sebagai teras pembinaan. Selain itu, Pendidikan Islam juga merangkumi ilmu naqli dan aqli, ilmu fardu ain dan kifayah seperti dinyatakan oleh Imam Al-Ghazali. Menurut Abdul Salam Yussof (2003), empat istilah penting yang sering disebut oleh Imam al-Ghazali (1058-1111) dalam kitab-kitab penulisan beliau ialah aql (akal), qalb (hati), roh (nyawa) dan nafs (jiwa). Ilmu terbahagi kepada dua iaitu Ilmu agama dan ilmu intelektual. Kedua-duanya pula boleh diklasifikasi kepada ilmu terpuji (mahmudah) dan ilmu yang tercela (mazmumah). Kesemua konsep dan pengisian yang dinyatakan di atas saling berkaitan dan pengakhirannya adalah sama iaitu kembali kepada Allah sesuai dengan maksud proses ubudiyah kepadaNya dan mengenali kebesaranNya.

Asas pendidikan kanak-kanak dalam kaca mata Islam merujuk kepada himpunan ayat-ayat Al-Quran seperti Surah al-Baqarah ayat 31 hingga 33 dan Surah Luqman ayat 12 hingga 19. Standard pembelajaran yang ingin dicapai melalui aktiviti-aktiviti yang berteraskan tunjang Kerohanian, sikap dan nilai khususnya kurikulum Pendidikan Islam ialah murid dapat mengetahui asas Rukun Iman, Rukun Islam, Sirah Rasulullah dan melafazkan Dua Kalimah Syahadah. Pada masa yang sama, murid dapat bersuci, berwuduk dan melakukan pergerakan solat, mencontohi beberapa akhlak Rasulullah dan melakukan amalan harian mengikut adab. Murid juga dapat mengenal asas bahasa Al Quran, huruf hijaiyah dan Jawi serta menghafaz beberapa surah pendek dan doa pilihan. Manakala bagi kurikulum Pendidikan Moral pula, objektifnya ialah murid boleh mengamalkan nilai kepercayaan kepada Tuhan, kerajinan, kasih sayang, kejujuran, berdikari, keberanian, baik hati, berdisiplin, berterima kasih, toleransi, keadilan, menghormati, bertanggungjawab, kerjasama, hemah tinggi serta kesederhanaan.

Merujuk kepada kandungan kurikulum-kurikulum yang dijelaskan, ternyata pencapaian matlamat dan objektif kurikulum sejajar dengan hasrat FPK menuntut komitmen yang padu dari para pendidik. Permasalahan timbul bila mana pendidik tidak jelas mengenai kandungan kurikulum, keperluan pelaksanaannya dan kurang arif untuk menterjemahkan kurikulum dalam bentuk pengajaran. Banyak kajian telah dijalankan misalnya kajian-kajian yang dijalankan oleh Ab Halim et.al., (2004; 2005; 2007) yang membuktikan kegagalan dan permasalahan yang dihadapi oleh pendidik khususnya guru Pendidikan Islam. Pendidikan Islam merupakan pendidikan yang falsafah dan tujuan serta teori-teori dibangunkan untuk melaksanakan praktik pendidikan yang didasari kepada nilai-nilai yang terkandung dalam Al Quran dan hadis. Manakala menurut Al-Attas pula, mendefinisikan pendidikan Islam sebagai usaha yang dilakukan oleh pendidik terhadap murid-murid untuk pengenalan dan pengakuan tempat-tempat yang benar dari segala sesuatu dari aturan penciptaan sehingga membimbing mereka ke arah kebaikan.

Falsafah Pendidikan Islam berfokuskan kepada pembentukan individu bagi membolehkannya menjadi insan yang sempurna dan seimbang dari segi pertambahan ilmu dan pembentukan akhlak dan rohani. Imam Al-Ghazali mengemukakan lima aspek utama dalam pendidikan kanak-kanak di awal perkembangannya iaitu Qudwah (role model), Mula hazah wa mutaba'ah (pemerhatian dan peniruan), i'tiyad (kelaziman / kebiasaan), Al-thawab wa al iqab (ganjaran dan hukuman), dan nasihat sebagai penyelesaian. Beliau turut menekankan tentang pentingnya ibu bapa dan guru menjadi role model atau ikutan yang baik kerana sikap atau tingkah laku yang ditunjukkan oleh ibu bapa sebenarnya adalah kurikulum dalam pendidikan seorang kanak-kanak.

Bersesuaian dengan sifat semulajadi kanak-kanak yang suka meniru perilaku atau apa sahaja yang ada di hadapannya, maka kanak-kanak belajar melalui pemerhatian yang jika dibiarkan ia akan menjadi kebiasaan atau i'tiyad dan sukarlah untuk dibentuk. Dalam menangani masalah ini, ibu bapa atau pendidik diberi pilihan antara memberi pengukuhan dan ganjaran yang baik atau hukuman. Jalan yang terbaik adalah dengan memberi nasihat yang dapat mendidik jiwa dengan jiwa atau 'alhal bilhal', seperti yang tertera dalam kitab karangannya Ayyuha al-walad. Perkara yang sama diutarakan oleh Wan Nurulhuda Wan Jusoh, (2011) yang berpendapat pendidikan agak berbeza dengan pengajaran. Pengajaran adalah suatu konsep menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang yang mendengar, seperti seorang guru yang mengajar di bilik darjah. Ia berbeza dengan pendidikan kerana pendidikan adalah proses didikan yang datang dari hati dan disampaikan juga melalui hati agar lekat di hati orang yang mendengarnya.

Pendidikan Islam amat penting diterapkan kepada kanak-kanak seawal usia kerana pada peringkat ini, kanak-kanak tidak dapat membezakan perkara yang baik dan yang buruk. Oleh itu, Islam menekankan pembentukan sahsiah seseorang kanak-kanak bukan sahaja dari segi kelakuan fizikalnya malah pematapan akhlak perlu diterapkan seiring dengan penerapan keimanan di dalam ruh dan jiwanya.

Rumusan dan Perbincangan

Hennigar (2009) menggariskan lima elemen utama bagi pendidikan awal kanak-kanak salah satunya, memahami perkembangan dan pembelajaran asas kanak-kanak, dengan pemahaman secara mendalam terhadap kepentingan perkembangan awal kanak-kanak ini, masalah perkembangan kanak-kanak dapat diatasi dengan baik, ini disebabkan kanak-kanak akan melalui proses perkembangan yang hampir sama, kenyataan ini disokong oleh Suppiah Nachiappan (2019). Oleh itu, Guru perlu mengambil berat berkaitan perkembangan kanak-

kanak sebagai asas pengetahuan, guru yang tidak dapat menguasai perkembangan kognisi kanak-kanak dan tidak mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam perkembangan kognisi kanak-kanak akan menyukar dan membantut proses perkembangan kanak-kanak, Suppiah Nachiappan (2015), guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang perkembangan kognisi kanak-kanak terutama bagi pendidikan prasekolah. Seharusnya, pendidikan awal kanak-kanak perlu dimulai dengan proses ta'dib untuk membentuk generasi seimbang dari segi intelek dan rohaninya.

Justeru, pendidikan adalah penting bagi membentuk kehidupan seseorang yang bermula dari peringkat awal kanak-kanak lagi. Walaupun semua pihak sedia maklum tentang kepentingan Pendidikan Islam dalam PAKK namun, permasalahan besar yang timbul dalam kalangan pendidik ialah kekurangan modul yang boleh dijadikan panduan untuk menyampaikan isi kurikulum dalam bentuk pengajaran secara efektif. Modul pendidikan yang sesuai sangat diperlukan bagi merealisasikan matlamat FPK yang menjadi hasrat negara sekali gus menjadi harapan para pendidik dan ibu bapa. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM telah menerbitkan Siri Panduan Guru Prasekolah sebagai panduan kurikulum yang dinamakan sebagai Modul Pendidikan Islam sebaik sahaja KSPK diperkenalkan pada tahun 2010. Namun, kandungan modul tersebut lebih menjurus kepada pencapaian Standard Pembelajaran yang digariskan dalam KSPK yang mensasarkan kanak-kanak yang berusia lima dan enam tahun. Ia tidak mengkhususkan kepada asas pendidikan akhlak yang seharusnya diterapkan dalam diri kanak-kanak seawal usia.

Kurikulum PAKK bukan sekadar untuk mendidik kanak-kanak supaya pandai membaca, menulis dan mengira sahaja. Tapi apa yang lebih penting, ia perlu dibentuk untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek pertumbuhan diri kanak-kanak ke arah perkembangan yang menyeluruh dan seimbang. Sehubungan dengan itu, kurikulum Pendidikan Islam bagi kanak-kanak secara umum bertujuan untuk memantapkan akidah Islam meningkatkan kecenderungan kepada ilmu, keimanan dan mencapai matlamat pembinaan modal insan.

Rujukan

- Ab Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2002). Pendidikan akhlak dalam KBSM: Persepsi pelajar terhadap konsep akhlak. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 1. Universiti Kebangsaan Malaysia, 16 Julai 2002.
- Ab. Halim Tamuri (2005) Hala tuju dan cabaran Pendidikan Islam dalam era globalisasi. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pendidikan dan Penghayatan Islam, Anjuran Persatuan Program Pendidikan Islam dan TITAS, UPSI, Tanjung Malim pada 1 Mac 2005.
- Abdul Rashid Ahmad (2003). Surah Luqman: Mendidik Anak Cemerlang. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rosyad Siddiq (2010). Ringkasan Ihya' Ulumiddin. Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Abdullah Nashih Ulwan (1996). Pedoman Pendidikan Anak-anak Dalam Islam. Jilid1-2. Terjemahan Saifullah Kamalie dan Hery Neor Ali. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Abdullah Nashih Ulwan (2005). Pendidikan Anak-anak dalam Islam (Jilid1). (terjemahan Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1978). Islam And Secularisme. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement Of Malaysia (ABIM).
- Asmawati Suhid dan Mohd. Aderi Che Noh (2016). Transformasi kurikulum Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference of Islamic Education 2016, di Kuching Sarawak pada 7-7 Oktober 2016.

- Baharudin, H., & Ismail, Z. (2015). Learning Strategies of Arabic Language Vocabulary for Pre-University Students' in Malaysia. *Asian Social Science*, 11(10), 32.
- Baharudin, H., & Ismail, Z. (2015). Learning Strategies of Arabic Language Vocabulary for Pre-University Students' in Malaysia. *Asian Social Science*, 11(10), 32.
- Chee, J., Nor, M. M., Othman, A. J., & Rahman, M. N. A. (2018). Isu Pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi dalam kalangan guru prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(1), 7-21.
- Henniger, M. L., (2009) *Teaching Young Children: An Introduction* (4th Ed.). New Jersey:Upper Saddle River.
- Imam Al-Ghazali (2006). *Mukhtasar Ihya'Ulumiddin*. (terjemahan Ibnu Yasin). Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.
- Imam Al-Ghazali (2007). *Bimbingan Mu'minin: pada mencari redha rabbil-'alamin*. (terjemahan Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.
- Ismail, N. A., & Galigo, S. B. A. (2010). *Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam Vol. 6*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Jas Laile Suzana Jaafar (2008). *Pengenalan Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2010). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum. .
- Lahey, B. B. (2009). *Psychology: An Introduction*. New York: Mc Graw Hill.
- Lahey, B. B. (2009). Public health significance of neuroticism. *American Psychologist*, 64(4), 241.
- MacNaughton, G. (2005). *Doing Foucault in early childhood studies: Applying poststructural ideas*. Psychology Press.
- Mastura Badzis (2010). Pendidikan Anak-anak di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaan Kurikulum yang Integratif. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dimuat turun pada 15 Mac 2010 daripada <http://www.mindamadani.my>
- Medin, D. L., & Thau, D. M. (1992). Theories, constraints, and cognition.
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2002). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Morrison. G.S. (2011). *Early Childhood Education Today*. (12th Internation Edition).Pearson Prentice Hall
- Nachiappan, S. (2015). *Panduan Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Teori, Model, Kaedah dan Aktiviti ke Arah Perkembangan Kognisi*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.